

SULIT

**KURSUS PENGAJIAN AL-QURAN & AL-SUNNAH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA**



**PEPERIKSAAN
KURSUS PENGAJIAN AL-HADITH**

MODUL II

**HADITH-HADITH MENGENAI
PERKAHWINAN & KEKELUARGAAN**

FEBRUARI 2017

MASA : 1 JAM

ARAHAN KEPADA PESERTA:

1. Jangan buka kertas soalan ini sehingga diberitahu.
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk ke dalam dewan peperiksaan apa jua barang atau dokumen yang tidak dibenarkan.
3. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** soalan sahaja dan setiap soalan mempunyai **25 markah**.
4. Peserta dikehendaki menjawab **SATU (1)** soalan sahaja.

(Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak termasuk muka hadapan)

Arahan : Jawab SATU (1) soalan sahaja**Soalan Pertama**

Baca hadis berikut dan jawab soalan yang diberikan.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: "الصَّيَّامُ جُنَّةٌ فَلَا يَرْفُثُ وَلَا يَجْهَلُ، وَإِنْ امْرُؤٌ قَاتَلَهُ أَوْ شَاتَمَهُ فَلْيَقُلْ: إِنِّي صَائِمٌ مَرَّتَيْنِ".

Daripada Abu Hurairah r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda: Puasa itu adalah perisai. Oleh itu, janganlah seseorang itu bercakap lucah, melakukan perbuatan jahil (seperti berpekik terlolong). Jika seseorang mahu bertengkar dengannya atau mencelanya maka hendaklah dia berkata dua kali: “Sesungguhnya aku berpuasa”. (Riwayat Bukhari)

(1) Hadith ini diletakkan di bawah tajuk konsep perkahwinan dalam Islam yang menggalakkan perkahwinan. Terangkan perkara-perkara berikut.

(a) Makna الصَّيَّامُ جُنَّةٌ?

(5 markah)

(b) Apakah kedudukan status hadith ini dari sudut kesahihan dan kedaifan. Terangkan.

(5 markah)

(2) Dinyatakan dalam hadith pertama bab ini bahawa Nabi SAW bersabda: “*Wahai pemuda!*

siapa di kalangan kamu yang mampu memberikan nafkah rohani dan jasmani maka hendaklah dia berkahwin”. Apakah perintah untuk berkahwin dalam hadith ini hukumnya wajib secara mutlak? Huraikan.

(5 markah)

(3) Bagaimanakah anda mengaitkan hubungan *puasa* dengan konsep menggalakkan perkahwinan dan memelihara kehormatan dan kesucian diri dalam Islam? Bincangkan.

(10 markah)

[25 Markah]

Soalan Kedua

Baca hadis berikut dan jawab soalan yang diberikan.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: كُنْتُ عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَأَتَاهُ رَجُلٌ فَأَخْبَرَهُ أَنَّهُ تَزَوَّجَ امْرَأَةً مِنَ الْأَنْصَارِ، فَقَالَ لَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «أَنْظَرْتَ إِلَيْهَا؟»، قَالَ: لَا، قَالَ: «فَاذْهَبْ فَانظُرْ إِلَيْهَا، فَإِنَّ فِي أَعْيُنِ الْأَنْصَارِ شَيْئًا».

Daripada Abu Hurairah r.a bahawa dia berkata: Aku berada di sisi Nabi SAW, tiba-tiba datang seorang lelaki lalu menceritakan kepada kepada baginda bahawa dia telah berkahwin dengan seorang wanita Ansar . Rasulullah SAW berkata kepadanya: “Adakah kamu telah melihatnya? Dia menjawab: “Tidak”. Berkata baginda: Pergilah dan lihat kepadanya kerana pada mata wanita kaum Ansar ada sesuatu (yang kurang). (Riwayat Muslim)

(1) Hadith ini menerangkan tentang hukum melihat wanita untuk dipinang. Perintah Nabi SAW agar pergi melihat seolah-olah hukumnya wajib. Apakah pandangan mazhab yang empat dalam permasalahan melihat pinangan ini.

(10 markah)

(2) Adakah mendedahkan keaiban seperti dalam hadith di atas dianggap *ghibah*. Huraikan.

(5 markah)

(3) Sebutkan **tiga (3)** adab melihat wanita pinangan seperti yang dihuraikan ulama dalam mensyarahkan hadith ini.

markah)

(10

[25 Markah]